



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESEDIAAN GURU PENDIDIKAN ISLAM MENGUNAKAN KAEDAH VISUAL BAGI TOPIK SIRAH DAN TAMADUN ISLAM

SARAH SYAHIERA BINTI ZULKIFLI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KESEDIAAN GURU PENDIDIKAN ISLAM
MENGUNAKAN KAEDAH VISUAL
BAGI TOPIK SIRAH DAN
TAMADUN ISLAM**

SARAH SYAHIERA BINTI ZULKIFLI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN ISLAM)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓




INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **10 SEPTEMBER 2024**

i. Perakuan pelajar:

Saya, SARAH SYAHIERA BINTI ZULKIFLI, M20191000410, FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KESEDIAAN GURU PENDIDIKAN ISLAM MENGGUNAKAN KAEDAH VISUAL BAGI TOPIK SIRAH DAN TAMADUN ISLAM adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. DR. AZMIL BIN HASHIM dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KESEDIAAN GURU PENDIDIKAN ISLAM MENGGUNAKAN KAEDAH VISUAL BAGI TOPIK SIRAH DAN TAMADUN ISLAM dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institusi Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan Islam.

18 November 2024

Tarikh


Tandatangan Penyelia

PROF. DR. AZMIL BIN HASHIM
PENGARAH
INSTITUT PENDIDIKAN TAHFIZ & TURATH ISLAMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KESEDIAAN GURU PENDIDIKAN ISLAM MENGGUNAKAN KAEDAH VISUAL BAGI TOPIK SIRAH DAN TAMADUN ISLAM

No. Matrik / Matric's No.: M20191000410

Saya / I: SARAH SYAHIERA BINTI ZULKIFLI
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS


(Tandatangan Pelajar/ Signature)


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cap Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 18 November 2024

PROF. DR. AZMIL BIN HASHIM
JABATAN PENGAJIAN ISLAM
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Ilahi dengan rahmat-Nya serta kurniaan-Nya kepada saya dalam bentuk idea, semangat, tenaga dan masa untuk saya menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Penyelidikan bukanlah satu tugas yang mudah, malah sangat menguji daya tahan dan kekuatan mental, fizikal dan rohani saya. Namun, atas dasar kepercayaan, tanggungjawab dan amanah yang diberikan, saya semakin kuat dan yakin untuk meneruskan perjuangan ini apatah lagi setelah mendapat dorongan, sokongan dan bantuan yang tidak berbelah bagi dan doa yang ikhlas daripada mereka yang ada di sekeliling saya.

Setulus hati, saya ingin menyampaikan ucapan penghargaan kepada ibu bapa saya yang saya cintai, suami yang saya sayangi dan adik-beradik yang saya kasihi yang banyak memberi semangat dan mengiringi perjuangan saya dengan doa. Saya sangat hargai kesabaran dan kasih sayang yang mereka curahkan sepanjang saya menyiapkan kajian ini sehingga ia berjaya dijadikan sebuah tesis yang bermanfaat.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dengan hati yang ikhlas kepada penyelia saya Profesor Dr. Azmil bin Hashim atas tunjuk ajar dan bimbingan.

Akhir kalam, saya sangat berharap agar kajian ini dapat memberikan manfaat terhadap masa depan pendidikan negara yang lebih kreatif dalam bidang pendidikan. Semoga segala kebaikan dan kerjasama yang mereka berikan mendapat ganjaran baik di dunia dan di akhirat kelak.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesediaan guru dalam aspek pengetahuan, kemahiran, pelaksanaan dan sikap guru Pendidikan Islam menggunakan kaedah visual bagi topik Sirah dan Tamadun Islam. Reka bentuk penyelidikan kuantitatif dipilih untuk menjawab empat persoalan kajian. Seramai 56 orang guru di sekolah menengah kebangsaan di daerah Klang telah menjadi responden menggunakan persampelan berstrata. Instrument kajian terdiri daripada satu set soal selidik yang telah disahkan oleh tiga orang pakar. Kebolehpercayaan instrument soal selidik adalah tinggi berdasarkan pekali Alpha Cronbach = 0.92. Data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif iaitu kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Statistik deskriptif digunakan untuk mengukur persepsi responden mengenai hubungan yang kuat antara kesediaan pengetahuan, kemahiran, pelaksanaan dan sikap guru Pendidikan Islam dengan kaedah visual bagi topik sirah. Dapatan kajian secara keseluruhan menunjukkan responden sangat bersetuju (min= 4.13, s.p= 0.54) bahawa mereka bersedia dari aspek pengetahuan dan sikap (min= 4.13, s.p= 0.69). Namun, dari aspek kesediaan kemahiran (min= 3.40, s.p= 0.60) dan kesediaan pelaksanaan (min= 3.43, s.p= 0.67) responden di tahap yang sederhana. Kesimpulannya, dapatan utama kajian menunjukkan responden bersedia dari aspek pengetahuan dan sikap kecuali dari aspek kesediaan kemahiran dan pelaksanaan. Implikasi kajian menunjukkan guru Pendidikan Islam masih belum bersedia dari aspek kemahiran dan pelaksanaan, maka pihak Kementerian Pendidikan perlu cakna agar profesionalisme perguruan dapat ditingkatkan.





READINESS OF ISLAMIC EDUCATION TEACHERS USING VISUAL METHODS FOR TEACHING SIRAH AND ISLAMIC CIVILIZATION

ABSTRACT

This study aims to identify the readiness of teachers in terms of knowledge, skills, implementation and attitude of Islamic Education teachers using visual methods for teaching the topic of Sirah and Islamic civilization. Quantitative research design was chosen to answer four research questions. A total of 56 Secondary school's teachers in Klang have been the respondents using the stratified sampling method. The research instruments include a set of survey forms that have been approved by three authority specialists. The reliability in this research instruments are convincing based on the coefficient Alpha Cronbach = 0.92. The data were analysed by statistic descriptive that is the frequency, percentage, min and standard deviation. Statistic descriptive are used to estimate the respondent's perceptions regarding strong relationship between the preparation of knowledge, skills, implementation and Islamic Education teacher's interpretations with visual method in Sirah and Islamic Civilization's discussion. Overall, this discovery are showing that the respondents strongly agree (min = 4.13, s.d= 0.54) that they are ready in the terms of knowledge and attitude (min=4.13, s.d= 0.69). Nevertheless, from the skill readiness (min=3.40, s.d= 0.60) and implementation (min= 3.43, s.d= 0.67) respondents are in the basic level. In conclusion, this outcome is showing the respondents are not prepared from the aspect of skills and implementation, then the Ministry of Education need to look forward so that the teacher's professionalism can be improved.



KANDUNGAN

	Muka surat
PENGAKUAN	ii
BORANG PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	ix
KANDUNGAN	x
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	
SENARAI LAMPIRAN	
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Penyataan Masalah	7
1.4 Tujuan Kajian	10
1.5 Objektif Kajian	10
1.6 Persoalan Kajian	11
1.7 Kerangka Teoritikal Kajian	12
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	20
1.9 Kepentingan Kajian	22
1.10 Batasan Kajian	27
1.11 Definisi Secara Operasi	28
1.11.1 Kesediaan	28
1.11.2 Guru Pendidikan Islam	29
1.11.3 Pengajaran Visual	29
1.11.4 Topik sirah dan tamadun Islam	30
1.12 Kesimpulan	31
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	33
2.2 Kaedah Visual	34

2.3 Pengetahuan Guru Mengenai Gaya Pembelajaran dan Kaedah Visual	37
2.4 Kemahiran Dan Amalan Kaedah Visual Dalam Kelas	42
2.5 Pelaksanaan Visual Dalam Pembelajaran dan Pengajaran	43
2.6 Kesan Kaedah Visual Terhadap Murid-murid	44
2.7 Kajian Lapangan Kaedah Visual	48
2.8 Perbandingan Pendekatan Pengajaran Menggunakan Kaedah Visual Dengan Tradisional	53
2.9 Kajian Sirah dan Tamadun Islam	55
2.10 Kesimpulan	57

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	59
3.2 Reka Bentuk Kajian	60
3.3 Persampelan dan Kaedah Persampelan	61
3.4 Instrumen	62
3.4.1 Borang Soal Selidik	63
3.5 Kesahan Instrumen Soal Selidik	67
3.5.1 Kesahan Soal Selidik Daripada Pakar	68
3.6 Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik	69
3.7 Kajian Rintis	71
3.8 Kaedah Pengumpulan Data	72
3.8.1 Kaedah Kutipan Data (Kuantitatif)	72
3.9 Penganalisan Data	73
3.9.1 Analisis Data Kuantitatif	74
3.9.1.1 Analisis Deskriptif	75
3.10 Kesimpulan	77

BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan	79
4.2 Analisis Demografi	80
4.3 Analisis Data	84

4.3.1 Kesiediaan Pengetahuan Guru Terhadap Kaedah Visual Dalam Pengajaran Topik Sirah Dan Tamadun Islam	84
4.3.2 Kesiediaan Kemahiran Guru Terhadap Kaedah Visual Dalam Pengajaran Topik Sirah Dan Tamadun Islam	88
4.3.3 Kesiediaan Pelaksanaan Guru Terhadap Kaedah Visual Dalam Pengajaran Topik Sirah Dan Tamadun Islam	91
4.3.4 Kesiediaan Sikap Guru Terhadap Kaedah Visual Dalam Pengajaran Topik Sirah Dan Tamadun Islam	94

4.4 Kesimpulan	97
----------------	----

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	99
5.2 Ringkasan Kajian	100
5.3 Rumusan Keseluruhan Dapatan Kajian	102
5.4 Perbincangan Dapatan Kajian	105
5.4.1 Perbincangan Demografi Guru Pendidikan Islam	106
5.4.2 Perbincangan Kesiediaan Pengetahuan Guru Menggunakan Kaedah Visual bagi Topik sirah dan tamadun Islam	107
5.4.3 Perbincangan Kesiediaan Kemahiran Guru Menggunakan kaedah Visual Bagi Topik sirah dan tamadun Islam	108
5.4.4. Perbincangan Kesiediaan Pelaksanaan Guru Menggunakan Kaedah Visual Bagi Topik sirah dan tamadun Islam	110
5.4.5 Perbincangan Kesiediaan Sikap Guru Menggunakan Kaedah Visual Bagi Topik sirah dan tamadun Islam	111
5.5 Implikasi Kajian	113
5.6 Cadangan Kajian	114
5.6.1 Cadangan Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia	116
5.6.2 Cadangan Kepada Pihak Sekolah	117

5.6.3 Cadangan Kepada Guru Pendidikan Islam	118
5.6.4 Cadangan Kepada Masyarakat	120
5.6.5 Cadangan Kajian Lanjutan	121
5.7 Kesimpulan	122
RUJUKAN	124
LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

No Jadual		Muka Surat
3.1	Rumusan skala likert pada instrumen soal selidik	64
3.2	Rumusan pecahan bahagian dalam instrumen soal selidik	65
3.3	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	70
3.4	Tatacara Analisis Data	75
3.5	Skor Min dan Interpretasi	77
4.1	Maklumat Responden Mengikut Jantina	80
4.2	Maklumat Responden Mengikut Umur	81
4.3	Maklumat Responden Mengikut Tahap Pendidikan	82
4.4	Maklumat Responden Mengikut Tahun Pengalaman Mengajar	83
4.5	Maklumat Responden Mengikut Jumlah Waktu Mengajar	84
4.6	Taburan Responden Mengikut Kesiediaan Pengetahuan Guru Terhadap Kaedah Visual dalam Pengajaran Topik sirah dan tamadun Islam	86
4.7	Taburan Responden Mengikut Kesiediaan Kemahiran Guru Terhadap Kaedah Visual dalam Pengajaran Topik sirah dan tamadun Islam	90
4.8	Taburan Responden Mengikut Kesiediaan Pelaksanaan Guru Terhadap Kaedah Visual dalam Pengajaran Topik sirah dan tamadun Islam	93
4.9	Taburan Responden Mengikut Kesiediaan Sikap Guru Terhadap Kaedah Visual dalam Pengajaran Topik sirah dan tamadun Islam	96



SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1 Kerangka Konseptual kajian

22





SENARAI LAMPIRAN

- A Perakuan Keaslian
- B Borang Soal Selidik
- C Surat Kelulusan KPM Bagi Menjalankan Kajian
- D Surat Pengesahan Menjalankan Penyelidikan
- E Bahan Visual yang Digunakan





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Bab ini menjelaskan pendahuluan bagi isi kandungan penyelidikan yang mengandungi pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi secara operasi dan perkara-perkara yang berkaitan dengan penggunaan visual dalam kalangan guru Pendidikan Islam.





Pendidikan masa kini bukan sekadar untuk melahirkan masyarakat yang cemerlang tetapi lebih kepada pembentukan masyarakat yang berpengetahuan tinggi, kreatif dan berkemahiran dalam menjalani kehidupan bagi mendepani persaingan global pada masa kini, ilmu pengetahuan, kompetensi dan kemahiran yang dimiliki oleh rakyat boleh menghasilkan kejayaan bagi sesebuah negara (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025).

Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran berperanan dalam membentuk sahsiah murid Islam disamping memenuhi kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia. Oleh itu, mata pelajaran ini diwujudkan di semua jenis sekolah di Malaysia serta diwajibkan kepada murid yang beragama Islam untuk mempelajari mata pelajaran ini. Oleh yang demikian, pelbagai pendekatan yang digunakan oleh guru perlu dipertingkatkan agar selaras dengan kemajuan teknologi. Kaedah pengajaran guru juga perlu dimapankan untuk membantu murid menghayati isi kandungan yang terdapat di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam yang diajarkan di sekolah.

Kajian ini pada dasarnya dilakukan untuk mengetahui kesediaan guru Pendidikan Islam menggunakan kaedah pengajaran yang berbentuk visual dari segi teknologi dan bukan teknologi untuk memastikan pengajaran yang disampaikan oleh guru dapat difahami oleh murid dengan baik. Mengkaji dan meneroka kesediaan pengajaran visual topik sirah dan tamadun Islam dalam kalangan guru Pendidikan Islam ini juga merupakan salah satu cara untuk mengetahui kaedah apa yang paling sesuai digunakan dalam sesi pengajaran guru dalam bilik darjah.





Umum mengetahui, pelbagai kaedah pengajaran boleh diaplikasikan di dalam kelas mengikut kreativiti guru. Guru yang kreatif dan inovatif merupakan penggerak utama dalam menarik minat murid untuk meneroka ilmu-ilmu baru. Ahmad Subki & Syed Ismail (2013) menyatakan bahawa guru yang kreatif dan inovatif akan sentiasa berusaha mengaplikasikan pelbagai kemahiran dalam bilik darjah dan bersedia mengubah gaya pengajaran dan pembelajaran. Sejalan dengan itu, guru perlu mempunyai kemahiran dalam pemilihan gaya pengajaran dan kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan topik dan situasi yang ingin disampaikan antaranya ialah kaedah visual.

Visual membawa peranan yang penting dalam menyampaikan informasi dan pengetahuan dalam pelbagai bidang termasuklah bidang pendidikan. Visual juga mempunyai peranan dalam memproses pengetahuan dan maklumat yang ingin disampaikan oleh guru semasa di dalam kelas. Contoh medium visual yang boleh digunakan sebagai bahan bantu semasa mengajar ialah bahan pegun, lukisan, multimedia dan gambar grafik bagi menarik minat murid semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Muslim & Siti Jamaliah (2010) gabungan bahan-bahan grafik dan animasi mampu menarik minat murid mengikuti sesi pembelajaran di dalam kelas. Memandangkan media juga telah mendominasi kehidupan remaja, murid pada masa kini dikelilingi dengan pelbagai media yang boleh membantunya untuk mengeksplorasi pelbagai ilmu. Tanggungjawab yang besar ini perlu dijalankan oleh semua individu terutamanya para guru demi memajukan sistem pendidikan di Malaysia.





Dalam kajian ini, keupayaan visual ini disesuaikan dengan persekitaran topik sirah dan tamadun Islam . Topik sirah dan tamadun Islam merupakan salah satu ilmu yang sangat penting untuk didalami dan dihayati oleh orang-orang Islam. Dalam kajian ini juga, penyelidik hanya menekankan berkenaan kesediaan guru Pendidikan Islam dalam mengajarkan topik sirah dan tamadun Islam menggunakan kaedah visual yang berasaskan teknologi dan bukan teknologi yang sedia ada sahaja.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sistem pendidikan yang berteraskan ajaran Rasulullah ﷺ melahirkan khalifah yang unggul dan hidup berlandaskan ajaran Islam. Hal ini bertujuan untuk membentuk peribadi muslim yang seimbang dari aspek spiritual, jasmani, intelektual, emosi dan sosial. Pendidikan yang berteraskan Islam bermatlamat melahirkan insan yang dapat memenuhi segala keperluan tanggungjawabnya sebagai hamba Allah di muka bumi.

Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran yang wajib diambil oleh semua murid Islam di peringkat sekolah. Akta Pendidikan 1996 (akta 550) seksyen 50 menetapkan, sekiranya di sesebuah institusi pendidikan terdapat lima orang atau lebih yang menganut agama Islam, maka Pendidikan Islam akan diwajibkan kepada murid-murid tersebut.





Menurut Kamarul Azmi dan Ab. Halim (2012) dan Mustafa (2002), guru Pendidikan Islam bukan hanya mengajar dan menyampaikan ilmu kepada murid tetapi mereka juga berperanan melahirkan hamba dan khalifah Allah yang berkualiti dan mempunyai perkembangan yang seimbang dari aspek akhlak dan tanggungjawab. Kualiti adalah perkara yang dilihat sebagai elemen yang penting untuk mencapai kecemerlangan.

Justeru itu, untuk menjadi guru Pendidikan Islam yang berkualiti, guru perlu cemerlang dari aspek intelek dan juga sahsiah diri (Rafizah Mohd Salleh, 2011). Di samping itu juga, guru Pendidikan Islam digelar sebagai daie dan perlu mempunyai ilmu yang mendalam (Ab. Halim, 2012). Dan ilmu itu perlu dikongsi kepada murid dengan mempelbagaikan kaedah mengajar agar murid berminat dan jatuh cinta untuk mendalami ilmu agama Islam terutamanya dalam topik sirah dan tamadun Islam .

Pendidikan Islam di sekolah terdiri daripada beberapa bidang yang merangkumi aspek kehidupan manusia. Hal ini termasuklah dalam bidang tilawah al-Quran dan hafazan, Ibadah, Aqidah, Sirah dan Tamadun Islam, dan Akhlak. Semua aspek yang disenaraikan ini sangat penting kepada murid di samping memberikan pendedahan kepada murid untuk menjalani kehidupan setiap hari. Skop kajian ini telah dikecilkan oleh penyelidik dengan menumpukan kepada topik sirah dan tamadun Islam sahaja.

Topik sirah dan tamadun Islam merupakan salah satu ilmu yang meliputi fakta-fakta yang berkaitrapat dengan Nabi Muhammad SAW. Murid memerlukan fokus yang





tinggi untuk memahami segala isi kandungan dan penceritaan yang diajarkan oleh guru semasa di dalam kelas. Namun, murid pada masa kini sukar untuk memberikan sepenuh perhatian di dalam kelas sekiranya kaedah penyampaian guru tidak menarik. Di dalam topik sirah dan tamadun Islam KSSM, terdapat banyak fakta-fakta penting yang perlu diingati oleh murid. Tambahan pula, sukar untuk guru menzahirkan unsur-unsur jenaka dan gurau senda yang boleh menghiburkan murid serta menjadikan suasana pengajaran di dalam kelas lebih menarik dan seronok.

Pembelajaran yang serius dan fakta-fakta sukar yang perlu diingati akan menjadikan suasana pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas agak membosankan murid. Hasilnya, murid akan hilang fokus sepanjang sesi pengajaran dijalankan.

Seterusnya, kaedah pembelajaran bagi topik sirah dan tamadun Islam mempunyai teknik pengajaran yang terhad iaitu teknik penceritaan dan soal jawab. Topik sirah dan tamadun Islam ini berbeza dengan topik-topik lain seperti topik adab dan akhlak, hadis dan fekah. Hal ini kerana, dalam topik ini, guru boleh mempelbagaikan teknik pengajaran dengan melakukan amali di dalam kelas, lakonan, sumbang saran dan sebagainya. Jadi, keadaan ini akan menarik minat murid untuk menghidupkan suasana meghiburkan di dalam kelas.

Penggunaan media sebagai visual boleh melahirkan generasi yang seimbang dari aspek kognitif, berkemahiran dan lain-lain. Menurut Kraiger, Ford dan Sales (1993), proses pembelajaran dikategorikan kepada tiga tujuan. Pertama, pencapaian kognitif yang merangkumi aspek pengetahuan lisan, mengorganisasikan pengetahuan dan strategi kognitif untuk menerima dan memahami sesuatu yang dipelajari. Kedua,





pencapaian dalam kemahiran iaitu membuat kompilasi dan kemahiran berkaitan psikomotor. Manakala yang terakhir ialah pencapaian efektif yang berkaitan dengan motivasi diri dan sikap untuk menjurus ke arah memajukan diri dan kecemerlangan.

Oleh itu, kajian ini dibuat bagi menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai kaedah visual yang boleh diaplikasikan oleh guru bagi menarik minat murid dalam mempelajari dan mengingati topik sirah dan tamadun Islam di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Tidak dinafikan, guru-guru tetap berusaha untuk melakukan sesuatu bagi menarik minat murid melalui kaedah pengajaran yang pelbagai.



1.3 **Penyataan Masalah**

Islam menggalakkan umatnya untuk berfikir secara kritis dan kreatif agar dapat membuahkan perubahan yang baik dalam kehidupan mereka (Sahin, 2018). Perubahan institusi secara berperingkat bukan sahaja harus menyeluruh, mengekalkan prestasi dan cemerlang, tetapi perlu sentiasa seiring dengan cabaran globalisasi yang serba pantas yang tidak dapat diramalkan perubahannya. Oleh itu, pembangunan Pendidikan Islam mestilah sistematik dan tidak membebankan pendidik.

Kaedah pengajaran yang tidak dipelbagaikan oleh guru semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan akan menyukarkan murid mempelajari dan memahami isi kandungan topik sirah dan tamadun Islam . Menurut Mohd Khalil et. al (2014), strategi





dan kaedah yang kurang sesuai dan bahan pengajaran yang kurang menarik adalah antara faktor wujudnya permasalahan dalam pembelajaran. Dengan menggunakan media dan mempelbagaikan kaedah mengajar, guru boleh menarik minat murid untuk mendalami topik sirah dan tamadun Islam disamping dapat mengatasi masalah murid yang mempunyai gaya belajar yang berlainan antara satu sama lain.

Menurut (Ab. Halim & Nok Mohd Rahimi, 2011; Kamarul Azmi, 2012; Paharuddin, 2014; Norakma et al., 2015; Syaubari & Yunus, 2017; Nursafra, 2017; Husna et al., 2018; Ernieza Suhana et al., 2023) dalam kajiannya, pelbagai isu telah dikenalpasti termasuklah guru Pendidikan Islam masih menggunakan olahan bahasa dan kaedah pengajaran yang klasik.



Kaedah pengajaran guru yang tidak menarik minat murid, kurikulum yang hanya tertumpu pada buku teks sahaja dan teknik pengajaran guru berunsurkan kaedah tradisional serta penggunaan teknologi semasa proses pengajaran dan pembelajaran yang rendah. Maka, guru digalakkan untuk membuat perubahan dan pembaharuan dalam menyampaikan ilmu di dalam kelas. Oleh itu, guru Pendidikan Islam memerlukan kaedah yang kreatif dan inovatif untuk memupuk minat murid Islam dalam mempelajari dan mengamalkan ilmu yang dipelajari (Hanafie Das et al., 2018).

Seterusnya, guru tidak membuat persediaan untuk memberikan kefahaman yang jelas kepada murid akan menyukarkan murid untuk mempelajari dan mengingati fakta sirah. Hal ini disebabkan oleh permasalahan kaedah pengajaran yang tidak berterusan





dan kurang persediaan semasa mengajar (Ab Halim & Khairul Azman, 2010; Nursafra, 2017; Azlina, 2017; Cathrine dan Sabariah, 2019). Proses pengajaran sirah di dalam kelas bukan sahaja perlu mencapai daya pemikiran murid, bahkan murid dapat memahami dan menghayati serta mengamalkan ilmu yang mereka peroleh di luar daripada waktu pembelajaran mereka (Muhammad talhah, 2022). Oleh yang demikian, proses ini memerlukan pelaksanaan pengajaran guru Pendidikan Islam yang berkualiti dan berkesan ('Abdullah Nasih Ulwan, 2002; Khairul Effendi et al., 2019).

Tahap minat murid yang rendah terhadap topik sirah dan tamadun Islam menyebabkan topik sirah dan tamadun Islam dianggap tidak menarik oleh murid. Kajian lepas menunjukkan bahawa pelajar mempunyai minat yang rendah terhadap topik ini kerana mereka beranggapan bahawa topik ini membosankan, sukar dan terlalu banyak fakta yang perlu diingat (Aris dan Abd Aziz, 2021). Murid beranggapan bahawa mereka hanya perlu hafal fakta-fakta yang terdapat di dalam buku teks tanpa mengaplikasikannya di dalam kehidupan seharian. Kesannya, mereka tidak berasa seronok untuk mendalami ilmu sirah.

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, penyelidik membuat kesimpulan bahawa kaedah pengajaran guru yang tidak menarik akan menyukarkan murid mempelajari topik sirah dan tamadun Islam . Guru yang tidak mahir memberikan kefahaman yang jelas kepada murid akan menyukarkan murid untuk mempelajari dan mengingati fakta sirah.





Hasilnya, guru tidak dapat menarik perhatian murid untuk mempelajari sirah dengan baik. Malah, penglibatan murid di dalam kelas juga di tahap yang rendah. Justeru itu, penyelesaian masalah perlu di rangka bagi mengatasi isu dan permasalahan yang berlaku di sekolah. kepelbagaian kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru akan memudahkan murid untuk mengingati fakta dan meminati topik sirah dan tamadun Islam dengan baik.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat kesediaan guru Pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan dalam pengajaran visual topik sirah dan tamadun Islam . Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti hubungan di antara kesediaan pengetahuan guru, kesediaan kemahiran guru, kesediaan pelaksanaan guru dan kesediaan sikap guru Pendidikan Islam menggunakan kaedah visual dalam pengajaran topik sirah dan tamadun Islam .

1.5 Objektif Kajian

1.5.1 Menenalpasti kesediaan pengetahuan guru menggunakan kaedah visual bagi topik sirah dan tamadun Islam.



- 1.5.2 Mengenalpasti kesediaan kemahiran guru menggunakan kaedah visual bagi topik sirah dan tamadun Islam.
- 1.5.3 Mengenalpasti kesediaan pelaksanaan guru menggunakan kaedah visual bagi topik sirah dan tamadun Islam.
- 1.5.4 Mengenalpasti kesediaan sikap guru menggunakan kaedah visual bagi topik sirah dan tamadun Islam.

1.6 Persoalan Kajian

- 1.6.1 Apakah kesediaan pengetahuan guru menggunakan kaedah visual bagi topik sirah dan tamadun Islam di sekolah?
- 1.6.2 Apakah kesediaan kemahiran guru menggunakan kaedah visual bagi topik sirah dan tamadun Islam di sekolah?
- 1.6.3 Bagaimanakah kesediaan pelaksanaan guru menggunakan kaedah visual bagi topik sirah dan tamadun Islam di sekolah?
- 1.6.4 Bagaimanakah kesediaan sikap guru menggunakan kaedah visual bagi topik sirah dan tamadun Islam di sekolah?



1.7 Kerangka Teoritikal Kajian

Teori telah membantu penyelidik dalam menstruktur kajian yang telah dijalankan agar lebih sistematik dan teratur mengikut strategi yang bersesuaian. Penyelidik menggunakan pendekatan Rasulullah dalam mengaplikasikan pengajaran visual sebagai asas kajian ini.

Dalam aspek pendidikan, Rasulullah ﷺ bukan sahaja sebagai penyampai ilmu bahkan berperanan sebagai pembimbing. Rasulullah menjadi model utama di dalam dunia pendidikan sejak awal Islam sehingga ke hari kiamat (Abd al-Fattah Abu Ghuddah, 2001; Razali Saaran, 2010). Menurut Razali Saaran (2010) terdapat 40 Strategi pendidikan Rasulullah SAW yang boleh dijadikan contoh pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Penyelidik hanya memilih dua kaedah pengajaran dan pembelajaran sebagai pendekatan bagi pembelajaran secara visual. Iaitu:

1.7.1 Penggunaan Bahan Visual

Pendekatan pengajaran visual didapati telah dilaksanakan oleh Rasulullah ﷺ dengan menggunakan bahan berbentuk visual. Bahan yang digunakan adalah untuk memberikan maklumat dengan lebih jelas dan lebih mudah untuk difahami. Hadis di bawah ini menjelaskan gambaran bahawa Rasulullah menggunakan kaedah visual semasa memberi penerangan.





Yang bermaksud: Ali R.A berkata bahawa, “Saya telah melihat Rasulullah SAW memegang sutera di tangan kanan dan emas di tangan kirinya, kemudian baginda berkata: “Keduanya ini haram terhadap laki-laki dari umatku.”

(Riwayat Abu Daud)

Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud ini menjelaskan bahawa Rasulullah telah mengangkat kain sutera dengan menggunakan tangan kanan baginda, manakala seketul emas di tangan kiri baginda. Ketika mengangkat kedua-dua tangannya, baginda menjelaskan bahawa kain sutera dan emas adalah dilarang untuk lelaki tetapi diharuskan bagi perempuan. Semasa baginda menyampaikan ilmu menggunakan bahan pegun secara visual, para sahabat memberikan perhatian dan berinteraksi dengan bahan yang digunakan oleh baginda.



Pendekatan ini dianggap sebagai pendekatan pembelajaran secara visual yang dapat mencuri perhatian dan menarik tumpuan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, pendekatan yang memberikan rangsangan bagi menarik perhatian dan minat murid seperti pergerakan objek dan warna dapat membantu murid meningkatkan keupayaan ingatan jangka panjang.

Penggunaan bahan visual seperti carta bergambar, replika kaabah, gambar-gambar pegun yang tidak berwajah boleh menjadi bahan bantu belajar yang baik dan menarik dalam pengajaran di dalam kelas.





Di samping itu, pengajaran yang menyeronokkan juga mampu mendorong murid ke arah pencapaian yang lebih membanggakan. Dan sudah tentu, pengajaran yang berbantuan bahan dan media akan memberikan pengalaman yang baru kepada murid di samping memudahkan guru semasa proses penyampaian ilmu dilaksanakan.

1.7.2 Pendekatan Komunikasi Visual Menggunakan Isyarat *Non- Verbal*

Pendekatan komunikasi melalui visual menggunakan isyarat, lakaran dan lukisan ini adalah proses guru memberi gambaran kepada murid agar murid mudah faham apa yang dipelajari. Komunikasi visual ini lebih menjurus kepada pergerakan anggota badan yang berkaitan dengan pancaindera. Contohnya seperti, Rasulullah menggunakan kaedah isyarat untuk membuat penerangan dan kefahaman kepada para sahabat ketika penyampaian ilmunya (Ab. Halim Tamuri, 2012). Ab. Halim Tamuri juga menyatakan bahawa Baginda memberikan penerangan kepada para sahabat berkaitan jarak dekatnya hari kiamat menggunakan kaedah isyarat seperti yang dinyatakan di dalam hadis di bawah ini.

Maksudnya: Jarak diutusnyaku dan hari Kiamat seperti dua (jari) ini. Baginda memberikan isyarat dengan kedua jarinya (jari telunjuk dan jari tengah)”.

(Riwayat al-Bukhari)

Makna hadis di atas ini adalah sebagai isyarat hampirnya jarak di antara dua jari ini. Hadis ini menjelaskan bahawa waktu yang berbaki adalah sangat sedikit jika dibandingkan dengan usia dunia yang telah mencapai jutaan tahun.





Dalam hadis riwayat Abu Daud pula,

Dari Ummu Mukminin Aisyah r.a bahawasanya Asma' bin Abu Bakar r.a menemui Rasulullah SAW dan beliau memakai baju yang nipis. Lalu Rasulullah SAW berpaling darinya dan bersabda. “Wahai Asma’, sesungguhnya jika wanita yang itu telah haid, maka tidak patut di lihat darinya kecuali ini dan ini, baginda menunjukkan kepada wajahnya dan kedua telapak tangannya.

Hal ini membuktikan bahawa bahasa tubuh memainkan sesuatu peranan dalam meningkatkan kefahaman murid. Penggunaan mimik muka dan bahasa tubuh tidak terhad kepada guru sahaja tetapi juga boleh digunakan oleh murid untuk mencapai objektif semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.



1.7.3 Komunikasi Visual dan Lukisan

Baginda Rasulullah juga pernah menggunakan teknik lakaran seperti simbol untuk menerangkan sesuatu yang ingin disampaikan. Sebagai contoh menafsirkan wahyu Allah dalam ayat 53 dalam surah al-An’am menurut Ibnu Kathir, 1993: 181-182/2 baginda melakarkan kepada para sahabatnya sebagaimana yang telah diceritakan oleh Ibnu Mas’ud (Ahmad, 1994:4205) yang mafhumnya bahawa Rasulullah melakar dengan tangannya satu garisan tegak dan bersabda,

“Ini jalan Allah yang lurus”. Kata Ibnu Mas’ud selepas itu Baginda melakarkan pula garis di sebelah kanan dan kiri garisan lurus itu kemudian bersabda, “Inilah jalan-jalan yang tidak terdapat sesuatu pun jalan melainkan terdapat syaitan yang memanggil kepadanya.” Kemudian Rasulullah membaca surah al-An’am:





Maksudnya: Dan bahawa (yang Kami perintahkan ini) adalah jalan-Ku yang lurus, maka ikutilah dia, dan janganlah kamu mengikuti jalan-jalan (yang lain), kerana jalan-jalan itu menceraikan kamu dari jalan-Nya. Yang demikian itu diperintahkan Allah agar kamu bertakwa

(Surah Al-An'am, 6:153)

Menurut Razali Saaran (2010), komunikasi visual dan lukisan merupakan salah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang mampu meningkatkan tahap kefahaman pendengarnya.

Rasulullah merupakan seorang guru yang inovatif. Sejak zaman Rasulullah SAW lagi pembelajaran menggunakan kaedah visual ini telah wujud dan diamalkan oleh baginda. Hal ini jelas menunjukkan bahawa baginda bijak mempelbagaikan teknik termasuklah menggunakan imej dan grafik dalam pengajaran dan pembelajarannya.

Visual berpandu juga boleh digunakan untuk mendapatkan kesan pembelajaran yang baik bagi memenuhi keperluan kecerdasan Spatial di dalam kelas (Micheal Berman, 2001). Pembelajaran yang dibantu dengan lukisan, lakaran, pemetaan dan warna yang menarik boleh membina ingatan jangka panjang murid. Pengaplikasian kaedah visual di dalam kelas boleh membantu untuk memberikan kefahaman yang lebih mendalam mengenai bidang yang dipelajari oleh murid-murid. Penerangan guru secara lisan akan dapat difahami dengan lebih jelas oleh murid dengan bantuan bahan pembelajaran yang berbentuk visual.





Manakala kaedah visual dan lakaran pada masa kini biasanya digunakan ketika diajar di dalam kelas dengan menggabungkan kaedah peta konsep, lakaran dan gambarajah. Menurut Abdul Rahim (2002) penggunaan lakaran seperti peta konsep boleh meningkatkan kefahaman murid dan murid mudah mengingat fakta-fakta yang dipelajari. Sesuatu isi pengajaran juga boleh terbentuk melalui isyarat gambar dan menimbulkan makna yang tertentu terhadap pengajaran tersebut.

1.7.4 Pembelajaran dan Pengajaran Secara Amali dan Tunjuk Cara

Pembelajaran yang berkesan dalam pengajaran Rasulullah SAW dalam pengajaran solat adalah secara amali dan tunjuk cara supaya dapat dicontohi oleh para sahabat dengan betul dan tepat. Razali Saaran (2010) menunjukkan wujudnya pembelajaran dan pembelajaran secara amali dan tunjuk cara sebagaimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW. Ini sebagaimana hadis Rasulullah SAW yang bermaksud,

“Solatlah kamu sebagaimana kamu melihat aku solat.”

(Muttafaqun Alaihi)

Dalil di atas menunjukkan bahawa pembelajaran amali dan tunjuk cara ialah salah satu teknik yang boleh digunakan oleh guru supaya murid dapat memahami dengan lebih mendalam isi kandungan pelajaran mereka ketika itu. Menerusi teknik ini, pendekatan pembelajaran menggunakan kaedah visual telah berlaku di antara guru dan murid di dalam kelas.





Merujuk Kitab Ringkasan Sahih Bukhari (2014:401:853), kaedah ini telahpun dilaksanakan menerusi hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

Daripada Muawiyah dia berkata: Aku memotong pendek rambut Rasulullah SAW dengan pisau.

(Riwayat Bukhari)

Rasulullah telah melaksanakan pembelajaran menggunakan kaedah visual dengan menunjukkan cara yang betul melakukan tahallul dengan mencukur rambutnya. Rasulullah tidak melakukan perbuatan tersebut melainkan dilakukan oleh Muawiyah yang telah faham tentang ilmu yang diperolehinya daripada Rasulullah SAW. Ini menunjukkan aktiviti secara *hands-on* telah berlaku sejak zaman Rasulullah SAW lagi.



seperti amali dan tunjuk cara untuk menerangkan tajuk yang berkaitan dengan sirah dan tamadun Islam. Murid pula akan mengingat isi kandungan topik sirah dan tamadun Islam dengan lebih baik dan lebih mudah

1.7.5 Rasulullah Mengubah Kedudukan Untuk Meningkatkan Perhatian

Menurut Razali Saaran (2010) Rasulullah mengubah kedudukannya secara kerap semasa mengajarkan tentang dosa-dosa besar seperti yang terdapat di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim ialah contoh kaedah visual.





Maksudnya:Diriwayatkan daripada Ibn ‘Abbas dia berkata: al-Fadhl ikut bersama-sama Rasulullah, kemudian datanglah seorang wanita dari Khasy’am. Al-Fadhl melihat ke arah wanita itu. (Sebahagian Riwayat menyebutkan bahawa wanita itu cantik). Dan wanita itu pun melihat ke arah Al-Fadhl. Lalu baginda pun memalingkan wajah Al-Fadhl ke arah lain. Wanita itu pun bertanya, Sesungguhnya Allah mewajibkan haji kepada hamba-hambanya. Ayahku adalah seorang yang telah lanjut usianya namun tidak mampu menempuh perjalanannya. Apakah aku boleh melaksanakan haji untuknya? Rasulullah bersabda: Ya

(Riwayat Bukhari)

Hadis di atas menceritakan bahawa Rasulullah SAW telah memalingkan wajah al-Fadhl ke arah lain apabila seorang wanita daripada suku Khasy’am datang kepada Rasulullah SAW. Cara baginda ini juga ialah contoh pembelajaran kerana tindakan baginda mengalihkan pandangan Al-Fadhl adalah untuk memastikan muridnya tetap fokus terhadap infomasi yang diberikan ketika itu. Interaksi guru kepada muridnya adalah pendekatan yang dapat memberikan kesan kepada pembelajaran.



Guru boleh mencontohi kaedah yang digunakan oleh baginda Rasulullah SAW untuk menarik perhatian murid semasa di dalam kelas. Guru-guru Pendidikan Islam juga boleh menggunakan setiap sudut di dalam ruangan bilik darjah untuk melaksanakan kaedah visual semasa mengajarkan topik sirah dan tamadun Islam. Sebagai contoh, guru menggerakkan bahan pegun mengikut kronologi sirah di hadapan kelas. Kemudian guru beredar ke sisi kelas mengikut urutan perjalanan sirah supaya kefahaman murid dapat dicapai. Secara tidak langsung, murid akan turut serta untuk terlibat di dalam proses pembelajaran yang aktif.





1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Menurut Sufean Hussin (1995) kerangka konseptual merupakan satu diagram yang menjadi panduan dalam menghasilkan sebuah penyelidikan dan merupakan satu hubungan idea yang ada dalam komponen penyelidikan. Kerangka konseptual ini diringkaskan untuk mendapatkan gambaran tentang situasi yang berlaku. Kerangka ini boleh digambarkan dalam bentuk gambar rajah yang bersifat simbolik dan abstrak.

Fishbein dan Ajzen (2010) menyatakan bahawa, individu yang berdepan dengan sesuatu situasi akan melahirkan tindak balas terhadap sesuatu rangsangan. Teori ini menjelaskan bahawa pengantaraan terhadap tindak balas sesuatu objek dikenali sebagai kesediaan. Komponen utama dalam tindak balas tersebut adalah tindak balas pengetahuan, tindak balas kemahiran, tindak balas terhadap pelaksanaan dan tindak balas terhadap sikap dan tingkahlaku.

Seterusnya, percaya terhadap sesuatu peristiwa itu adalah dipengaruhi oleh maklumat yang diperolehi atau kepercayaan seseorang terhadap sesuatu. Manakala keinginan untuk melakukan sesuatu tingkahlaku yang berkaitan mempunyai hubungan dengan sikap bagi penerimaan seseorang di mana penghujungnya terbentuk satu kepercayaan baru (Ajzen, 1991).

Edwards (1976) pula menjelaskan bahawa, keputusan tingkah laku yang dibuat oleh seseorang merupakan kesan pemilihan sikapnya yang akan menghasilkan nilai dan





makna yang tinggi. Sekiranya tingkahlaku tersebut memberikan nilai yang tinggi dan makna yang terbaik, perkara tersebut boleh mempengaruhi bentuk tingkahlaku.

Hubungan di antara elemen pengetahuan, kemahiran, pelaksanaan dan sikap menghasilkan tindak balas dalam penerimaan sesuatu perkara. Apabila membincangkan tentang penggunaan visual, maka sikap positif guru akan memberikan impak yang baik kepada penerimaan guru terhadap pengaplikasian kaedah visual di dalam kelas. Menurut Ainun Rahmah et. al (2017), seseorang guru yang mempunyai sikap yang positif akan melahirkan murid yang mempunyai sikap yang positif juga.

Dalam konteks kajian konseptual ini, pembentukan kerangka ini telah mengambil kira peranan guru Pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan. Oleh itu, penyelidik telah menetapkan empat aspek dalam mempergiatkan penggunaan visual dalam kalangan guru Pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan. Penyelidik menfokuskan kepada empat aspek kesediaan berdasarkan kajian perpustakaan yang telah dijalankan melalui artikel ilmiah dan jurnal yang berkaitan.

Empat aspek yang ditekankan oleh penyelidik ialah kesediaan pengetahuan, kemahiran, pelaksanaan dan sikap yang membentuk sokongan terhadap solusi tindakan kesediaan pengajaran visual topik sirah dan tamadun Islam dalam kalangan guru pendidikan islam.





Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting terhadap guru Pendidikan Islam supaya proses pengajaran dan pembelajaran bagi topik sirah dan tamadun Islam menjadi lebih sempurna apabila guru menggunakan kaedah visual.



1.9.1 Keberkesanan Penghayatan Ilmu Terhadap Murid

Kajian ini sangat penting untuk mewujudkan pembelajaran berkesan dalam Pendidikan Islam terutamanya topik sirah dan tamadun Islam . Kajian ini diharap dapat disesuaikan dengan objektif pengajaran bagi mempelbagaikan kaedah supaya lebih menarik dan memudahkan penyampaian ilmu.

Apabila penyampaian guru menggunakan kaedah visual yang pelbagai, murid akan lebih tertarik untuk memberikan perhatian kepada isi kandungan yang ingin disampaikan. Bahan-bahan maujud ini sangat mengujakan murid untuk menggunakannya. Oleh itu, penghayatan ilmu sirah dapat berjalan dengan lancar apabila murid dapat memberikan tumpuan yang sebaiknya.

Pembelajaran tersebut juka disusuli dengan amalan dan penghayatan, akan melahirkan sifat keinsanan ke dalam diri murid sejajar dengan matlamat akhir falsafah Pendidikan Islam iaitu melahirkan insan kamil yang berilmu, berakhlak mulia, memiliki keseimbangan jasmani, emosi, rohani, intelektual dan spiritual sesuai mengikut landasan al-Quran dan as-Sunnah (As-Syaibani, 1991).





1.9.2 Peluang Guru Mengaplikasikan Ilmu Secara Visual

Kajian ini penting bagi memberi peluang kepada guru-guru yang mengajar subjek Pendidikan Islam untuk mengaplikasikan ilmu secara visual berdasarkan kepada keupayaan mereka. Kajian ini sangat penting kerana dapat mengkaji sejauh mana guru-guru bersedia untuk membantu murid mengingat fakta-fakta sirah menggunakan kaedah visual di dalam kelas. Malah cara penyampaian dan pendekatan yang digunakan akan menarik minat murid untuk mencintai sirah.

Pendekatan pengajaran menggunakan kaedah visual boleh menghidupkan suasana semasa penyampaian ilmu dan mampu memberi ketegasan melalui penyampaian menerusi bahan visual bagi menarik perhatian dan tumpuan murid untuk difokuskan kepada isi kandungan yang ingin disampaikan. Kaedah ini mempunyai unsur-unsur pendidikan yang berkesan sekiranya dilaksanakan dengan cara yang betul dan konsisten. Oleh itu, dengan gaya pengajaran visual, guru berpeluang mengaplikasikan ilmu secara visual untuk memudahkan kefahaman murid terhadap ilmu tersebut.





1.9.3 Menggalakkan Penggunaan Bahan Visual di Dalam Bilik Darjah

Kajian ini penting bagi menggalakkan penggunaan bahan visual di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam khususnya dalam topik sirah dan tamadun Islam agar murid meminati dan mudah mengingati fakta-fakta yang terdapat di dalam topik sirah dan tamadun Islam di samping meningkatkan prestasi murid. Bahan bantu mengajar berbentuk visual ini sangat mengujakan murid untuk menggunakannya di dalam kelas.

Sebelum ini, persembahan melalui paparan slaid merupakan bahan bantu dalam pembelajaran yang menarik perhatian murid. Namun, masih tidak berlaku pendekatan dua hala apabila hanya guru sahaja yang berinteraksi. Dengan ini diharapkan agar guru lebih bersedia mempelbagaikan lagi kaedah pengajaran di dalam kelas agar murid meminati topik sirah dan tamadun Islam yang terdapat di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

1.9.4 Menyahut Saranan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025

Kajian ini sangat penting bagi menyahut saranan Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah mengarahkan warga pendidik agar pembelajaran secara visual diaplikasikan di sekolah-sekolah menengah (PPPM 2013-2025). Sehubungan itu, Falsafah Pendidikan Kebangsaan juga ada menekankan pendidikan yang seimbang merangkumi





elemen-elemen berkaitan kepentingan pengetahuan dan kemahiran, pembangunan kemahiran pemikiran yang kritis, kreatif dan inovatif.

Hal ini bersesuaian dengan pembelajaran menggunakan kaedah visual yang menggalakkan peningkatan murid ke arah pemikiran kreatif dan inovatif. Gelombang ketiga yang merupakan gelombang terakhir, Kementerian Pendidikan Malaysia telah merancang untuk mempertingkatkan pengurusan berasaskan sekolah dan autonomi dari segi pelaksanaan kurikulum dan pengurusan kewangan. Maka, perancangan ini boleh membangunkan bengkel dan kursus-kursus untuk para guru untuk memperkembangkan idea baru.



1.9.5 Membuka peluang Badan Korporat dan Badan Kerajaan Bekerjasama untuk Meningkatkan Taraf Pendidikan

Kajian ini adalah satu peluang dan ruang untuk badan korporat dan organisasi menyumbangkan idea dan menghulurkan bantuan berupa bahan bantu mengajar untuk meningkatkan sistem pengajaran di sekolah-sekolah. Bahan bantu mengajar seperti bahan pegun oleh para guru boleh ditaja atau diwakafkan oleh badan-badan korporat, agensi-agensi atau perseorangan untuk diperbanyakkan di sekolah-sekolah. Mereka boleh mengambil peluang ini untuk menjadi penaja bagi pengedaran bahan tersebut ke sekolah-sekolah sebagai kemudahan guru untuk mengajar. Sumbangan daripada pelbagai pihak juga boleh meningkatkan kefahaman tentang kaedah visual dalam kalangan warga pendidik.





1.10 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa batasan agar penghasilan dapatan kajian dapat memenuhi objektif kajian yang telah ditetapkan.

Kajian ini hanya terbatas kepada kesediaan guru mengaplikasikan pengajaran visual berdasarkan kesediaan pengetahuan, kemahiran, pelaksanaan dan sikap guru Pendidikan Islam bagi topik sirah dan tamadun Islam . Penyelidik memberikan empat fokus utama pemboleh ubah tidak bersandar iaitu kesediaan pengetahuan, kemahiran, pelaksanaan dan sikap guru Pendidikan Islam. Pemboleh ubah bersandar pula adalah pengajaran visual dalam kalangan murid Pendidikan Islam sekolah menengah kebangsaan.

Kajian ini hanya berfokus kepada guru yang mengajarkan mata pelajaran Pendidikan Islam yang sedang berkhidmat di sekolah menengah kebangsaan. Kajian ini tidak melibatkan guru Pendidikan Islam yang mengajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJJC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), sekolah di bawah kendalian swasta, sekolah antarabangsa dan sekolah agama swasta. Batasan lokasi bagi kajian ini adalah di sekolah menengah kebangsaan sekitar Daerah Klang yang berada di bawah pengendalian dan pengurusan Kementerian Pendidikan Malaysia.





1.11 Definisi Secara Operasi

Definisi secara operasi bertujuan menjelaskan maksud-maksud perkataan bagi istilah yang digunakan di dalam kajian. Bagi kajian ini, penyelidik menggunakan beberapa istilah bagi menjelaskan sesuatu perkara sejajar dengan maksud yang akan dikemukakan.

1.11.1 Kesediaan

Kesediaan menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002) ialah kesungguhan dan kesanggupan guru dalam melakukan sesuatu tugas yang diberikan. Menurut Baharom (2010), perkataan bagi kesediaan ialah kesanggupan, kerelaan dan perihal sedia. Hal ini merujuk kepada persediaan fizikal dan mental guru menggunakan kaedah visual dalam kalangan guru Pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan.

Menurut Akuegwu, Edet et. al., (2011) pula, kesediaan adalah satu tahap persediaan dan kualiti kemahiran yang diperlukan oleh seseorang melalui latihan dan kemahiran dalam sesuatu institusi. Omardin (1997) berpendapat bahawa peningkatan tahap keyakinan diri, pengalaman dan kemahiran dalam kalangan guru akan melahirkan guru yang sentiasa bersedia dalam melaksanakan tugas pengajarannya dengan baik di dalam bilik darjah.





1.11.2 Guru Pendidikan Islam

Perkataan guru menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua bermaksud pendidik, pengajar dan pembimbing. Oleh itu, guru Pendidikan Islam pada kajian ini merujuk kepada seorang guru yang mengajarkan mata pelajaran Pendidikan Islam yang menggunakan Kurikulum Standard Sekolah Menengah di sekolah.

Hasbullah Abdul Rahman (2003) menyatakan bahawa mata pelajaran Pendidikan Islam amat menekankan pengetahuan, fakta dan penekanan kepada amalan bagi menghayati ilmu yang dipelajari. Di samping itu, guru Pendidikan Islam sangat perlu memainkan peranan dalam menggabungkan teori dan amali serta menekankan pembentukan akhlak muridnya di sekolah.



1.11.3 Pengajaran Visual

Pengajaran visual adalah proses pengajaran yang dijalankan melalui penglihatan dengan menggunakan media seperti gambar, video, dan bahan maujud sama ada menggunakan kemudahan teknologi ataupun bukan teknologi. Gaya pengajaran yang dijalankan secara visual memudahkan murid untuk mengingat dan memahami sesuatu fakta untuk jangka masa panjang. Pengajaran visual ini boleh menggalakkan pembelajaran secara aktif di kalangan murid, memudahkan perkembangan kemahiran





membuat persepsi dan penafsiran serta murid dapat belajar dengan lebih spontan dan berkesan berdasarkan deria yang digemari (Ab. Halim Tamuri, 2010).

Pengaplikasian kaedah visual dalam pengajaran dapat memberi ransangan kepada murid untuk melakukan penerokaan ilmu. Murid mempunyai kesempatan untuk bersama guru memberikan idea baru yang membina terhadap bahan visual yang digunakan dengan lebih kritis dan kreatif.

1.11.4 Topik Sirah Dan Tamadun Islam



Sirah bermaksud perjalanan hidup, perilaku, sunnah dan peristiwa yang berlaku ke atas diri seseorang. Sirah merupakan ilmu yang sangat meluas dan terkandung di dalamnya pelbagai jenis ilmu yang boleh dipelajari. Menurut Nidzamuddin Zakaria et al., (2019) Sirah dari segi bahasa bermaksud “*tariqah*” iaitu jalan, sunnah dan peristiwa yang berkaitan dengan diri manusia. Dari segi istilah pula ialah jalan yang merangkumi aspek kronologi, peristiwa-peristiwa atau peperangan yang berlaku.

Namun, penyelidik hanya menekankan topik sirah dan tamadun Islam yang terkandung di dalam silibus KSSM sahaja. Kajian ini menggunakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan





Malaysia untuk topik sirah dan tamadun Islam dan Tamadun Islam yang meliputi sukatan pelajaran bagi tingkatan satu hingga tingkatan lima.

Topik sirah dan tamadun Islam dan Tamadun Islam memberikan pendedahan tentang warisan sejarah dan merupakan sumbangan yang besar bagi umat Islam kepada peradaban dunia. Tamadun Islam merupakan tamadun yang berbeza dengan tamadun lain kerana ia berasaskan kepada aqidah Islam yang Allah jadikan sebagai ilmu dan hukum (Mohammad Rusdi et al., 2021)

1.12 Kesimpulan



Pengajaran visual merupakan satu kaedah yang boleh diaplikasikan semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan di dalam kelas dan luar kelas. Pengajaran visual bagi topik sirah dan tamadun Islam ini akan memudahkan guru membuat penerangan kepada murid. Justeru itu, kajian ini dijalankan oleh penyelidik bagi memenuhi objektif melalui persoalan-persoalan kajian berdasarkan batasan kajian yang telah diutarakan di dalam bab ini.

Selain itu, pengajaran menggunakan kaedah visual juga menggalakkan guru berinteraksi bersama bahan dengan cara yang aktif serta mereka membentuk perhubungan pelbagai hala. Kaedah visual ini menggalakkan murid berimajinasi dan





menggalakkan murid berfikir secara kreatif dan kritis. Galakan kepada kaedah visual dalam pengajaran dan pembelajaran sirah adalah suatu peluang dan ruang kepada guru-guru bagi menjadikan proses pendekatan mereka lebih menarik dan menyeronokkan agar murid dapat memberikan tumpuan dan mudah belajar. Pembelajaran yang berpusatkan bahan dan murid akan membuka peluang untuk mereka menyelesaikan masalah dengan baik.

